

29 MAY 1998

Komanwel-Bendera/I

DR MAHATHIR TEMUI ATLET NEGARA PADA 28 JULAI

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyerahkan bendera kebangsaan kepada kontinjen Malaysia bagi Sukan Komanwel ke-16 pada satu majlis di sini 28 Julai ini.

Dr Mahathir akan menyerahkan bendera itu pada pertemuan sulung dengan para atlet negara yang akan berhimpun buat julung-julung kali di kem latihan pusat peringkat pertama di Universiti Tenaga Nasional di Bangi dekat sini.

Demikian dinyatakan chef-de-mission Malaysia, Datuk Khalid Yunus kepada pemberita selepas meninjau latihan pasukan hoki wanita dan gimnas berirama di Kompleks Sukan Bukit Jalil di sini hari ini.

Katanya peringkat pertama latihan pusat akan diadakan bagi semua atlet tanpa mengira acara dari 27 hingga 31 Julai diikuti dengan peringkat akhir dari 20 Ogos sehingga Sukan sebenar pada 11 Sept.

Beliau berkata latihan pusat bertujuan itu membina semangat kontinjen menjelang Sukan kedua terbesar di dunia itu.

Kehadiran adalah wajib kecuali para atlet atau pasukan yang mengambil bahagian pada pertandingan sepanjang tempoh latihan pusat itu.

Katanya, Malaysia akan menurunkan kira-kira 270 atlet bagi Sukan Komanwel di sini daripada 11 hingga 21 Sept.

Mengenai pasukan hoki wanita, beliau berkata pasukan itu menaruh harapan untuk berada di antara lapan pasukan terbaik dan akan bermain pada beberapa perlawanan persahabatan menentang Singapura dan Zimbabwe di Stadium Tun Razak di sini bulan depan dan Julai.

Pasukan itu juga akan melawat Perth, Australia dari 11 hingga 25 Julai untuk beberapa perlawanan persahabatan di sana.

Menyentuh tentang para gimnas pula, Datuk Khalid, yang juga Timbalan Menteri Pendidikan dan naib presiden Majlis Olimpik Malaysia (OCM), berkata enam anggota pasukan akan bertanding pada kejohanan di Kanada pada Julai.

-- BERNAMA

DC ZAB